

SILAT/ Tiga peserta kebangsaan kalah

Pesaka perlu kaji semula struktur latihan

21 JUL 1988
B. Harian (M)
PENCAK/SILAT

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) perlu mengkaji semula struktur latihan kepada pesilat-pesilat kebangsaan sama ada ia sudah berupaya membuahkan hasil yang baik atau masih kekal ditahap lama.

Keberkesanan itu diragui berikutan kekalahan tiga pesilat kebangsaan di kejohanan peringkat negeri baru-baru ini, menandakan kelemahan itu masih ketara.

Kegagalan pemenang pingat perak silat sedunia, Normala Yaacob, Khairi Abdul Rahman (pingat gangsa) kedua-dua dari Selangor dan pemenang pingat gangsa Sukan SEA, Salbiah Salleh (Johor) mencacat kewibawaan skuad silat negara.

Penolong Setiausaha Pesaka, Sulaiman Sarijan, mengakui beberapa kelemahan yang masih ketara dalam struktur latihan skuad negara itu.

Beliau menambah, pihaknya akan berusaha memperbaiki semua kelemahan itu dan ia boleh diatasi secepat mungkin jika segala perancangan yang dibuat selesai nanti.

"Saya sedar kekurangan peralatan latihan menimbulkan masalah besar yang menyukarkan jurulatih menyusun latihan dengan sempurna," jelas penolong setiausaha itu.

Beliau percaya menjelang Sukan SEA di Kuala Lumpur tahun depan, skuad negara yang benar-benar mantap akan wujud bagi memenuhi matlamat merangkul pingat emas.

Bagaimanapun, Sulaiman menyifatkan kekalahan atlet negara sudah menjadi adat bersukan kerana mereka sentiasa dibayangi oleh atlet yang dianggap 'under-dog'.

Katanya, kegagalan tiga pesilat kebangsaan itu tidaklah mencerminkan kelemahan ketara skuad negara,

tetapi sekadar pengajaran sihat kepada pesilat-pesilat kebangsaan lain.

Normala dianggap 'bintang' yang boleh mengimbangi kelemahan pesilat wanita negara itu memang tidak diduga tumpas kepada muka baru yang tidak ternama.

Begitu juga dengan Salbiah dan Khairi yang secara langsung tersingkir dalam skuad negara untuk latihan fasa kedua di Kuala Terengganu pada 15-22 Ogos ini.

Sulaiman juga tidak menafikan kemungkinan beberapa pesilat kebangsaan akan tumpas di Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai ini.

Katanya, kekalahan setiap pesilat itu adalah masalah individu dan kebetulan pula lawan mereka lebih baik.

"Saya percaya lebih ramai muka baru akan muncul terutama di kalangan pesilat wanita. Saya gembira kerana penyertaan tahun ini begitu menggalakkan dengan pembabitan semua negeri," jelas Sulaiman.

SILAT/ Kejohanan kebangsaan

Ahmad Wardi ketuai cabaran Melaka

22 JUL 1988

B. Harian (M)

JUARA silat dunia Kelas B, Ahmad Wardi Salim akan mengetuai cabaran skuad Melaka di Kejohanan Kebangsaan di Port Dickson pada 28 Julai-2 Ogos ini.

Seramai 20 pesilat termasuk lima wanita akan mewakili Melaka dalam semua acara olahraga dan silat seni di kejohanan itu.

Setiausaha Majlis Silat Olahraga Melaka (MSOM), Salim Kassim, berkata kebanyakan pesilat Melaka kali ini adalah muka baru yang dipilih menerusi kejohanan tertutup negeri baru-baru ini.

Mereka ialah S B Afied Buang (Kelas A), Ahmad Wardi Salim (B), Saharuddin Ibrahim (C), Abdul Latif Yahaya (D), Azahari Idris (E), Zailan Zainuddin (F), Mohd Noor Ali (G), Szalim Saad (H) dan Ridzuan Salleh (I).

Manakala pesilat wanita ialah Suzana Sidek (A), Hadilah Hassan (B), Rohana Mamat (C) dan Aslinah Masud (D).

Bagaimanapun, Melaka bergantung harapan kepada tiga pesilat kebangsaan iaitu Ahmad Wardi, Zailan Zainuddin dan Norazman Naim (silat seni) untuk merangkul pingat emas.

Salim berkata, muka-muka baru itu tidak kurang hebat untuk memberi tentangan kepada lawan masing-masing.

Mereka kini menjalani latihan pusat di Gelanggang Budaya Ayer Keroh dibawah jurulatih, Ahmad Wardi.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rahim Tamby Chik akan menyerahkan bendera negeri kepada skuad itu pada 26 Julai ini.